

Bil. S 131

**PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959**  
(Perintah di-bawah bab 83(3))

**PERENTAH RANCHANGAN BANDAR DAN  
NEGERI (KAWALAN KEMAJUAN), 1972**

Pada menjalankan kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh cheraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut:—

- Gelaran.** 1. Perintah ini boleh di-gelar sebagai Perintah Dzarurat Kawalan Pembangunan Bandar dan Ranchangan Negeri, 1972.
- Tafsiran.** 2. Dalam perintah ini, melainkan maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —  
“bangunan<sup>2</sup>” — termasuk bina'an<sup>2</sup> dan perdirian<sup>2</sup>;  
“Pihak Berkuasa Yang Layak” berma'ana pihak berkuasa yang di-lantek menurut syarat<sup>2</sup> Bab 4(1) dari Perintah ini;  
“tanah” termasuk tanah yang di-liputi oleh ayer;  
“Pegawai Peranchang Bandar dan Negeri” berma'ana orang yang di-lantek sebagai Pegawai Peranchang Bandar dan Negeri di-bawah Perintah ini.
- Pengistiharan Kawasan Pembangunan.** 3. (1) Menteri Besar boleh, jika ia berpendapat bahawa sa-suatu kawasan atau kawasan<sup>2</sup> hendaklah terta'alok kapada kawalan pembangunan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengistiharkan bahawa kawasan atau kawasan<sup>2</sup> itu di-jadikan sebagai Kawasan Kawalan Pembangunan.  
(2) Pengistiharan itu akan berjalan kuat kuasanya pada hari penyiaran-nya dalam *Warta Kerajaan*.
- Pihak Berkuasa Yang Layak.** 4. (1) Menteri Besar hendaklah serentak dengan pengistiharan Kawasan Kawalan Pembangunan itu

melantek sa-orang atau orang<sup>2</sup>, badan atau badan<sup>2</sup>, yang di-fikirkan layak sebagai Pehak Berkuasa Yang Layak atau Pehak<sup>2</sup> Berkuasa yang bertanggung-jawab bagi sebarang bahagian atau syarat yang tertentu daripada-nya mengenai Kawasan Kawalan Pembangunan yang tertentu itu dan hendak-lah menentukan dalam kenyataan itu kelulusan chara menjalankan tanggung-jawab tersebut.

(2) Mentri Besar boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, membuat peratoran<sup>2</sup> untuk mengator chara<sup>2</sup> bagi Pehak Berkuasa Yang Layak itu.

**Peratoran.**

5. (1) Mentri Besar boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, membuat peratoran<sup>2</sup> untuk maksud<sup>2</sup> menjalankan kuat kuasa Perintah ini 'am-nya atau bagi sebarang bahagian atau syarat yang tertentu.

(2) Khas-nya dan dengan tidak menyentoh keluasan maksud cheraian (1) dari bab ini peratoran<sup>2</sup> boleh mempersyaratkan bagi salah satu daripada perkara<sup>2</sup> yang tersebut dalam Jadual Pertama.

**Kawalan bagi Pembangunan dan Hukum<sup>2</sup>.**

6. (1) Apabila kenyata'an mengistiharkan Kawasan Kawalan Pembangunan telah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* menurut syarat<sup>2</sup> Bab 3(1) dari Perintah ini tiada sa-orang pun boleh menjalankan dalam Kawasan Kawalan Pembangunan kechuali yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua sabarang perkembangan tanah atau sabarang bangunan, perobohan, perubahan, penambahan, pembaikan atau pembaharuan sabarang bangunan atau membuat sabarang jalan kereta masok ka-jalan raya atau membahagi sabarang tanah dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan dengan bertulis dari Pehak Berkuasa Yang Layak.

(2) Terta'alok kapada syarat<sup>2</sup> dari sabarang ranchangan Peranchangan Pembangunan yang telah di-luluskan bagi kawasan itu Pehak Berkuasa Yang Layak boleh meluluskan permohonan yang di-buat menurut syarat<sup>2</sup> cheraian 6(1) terta'alok

kapada sharat<sup>2</sup> yang ia anggap mustahak di-kenakan, atau boleh menolak permohonan itu.

(3) Sabarang orang yang melanggar sharat cheraian (1) akan menanggung, jika thabit kesalahan-nya, hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau, jika ia engkar membayarnya, hukuman penjara bagi tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan. Sa-saorang yang meneruskan kesalahan sa-telah ia di-dapati thabit kesalahan-nya akan menanggung hukuman selanjutnya yang tidak melebihi dua ratus ringgit sa-hari atau hukuman penjara bagi tempoh yang tidak melebihi dua ratus ringgit sa-hari atau hukuman penjara bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan.

**Rancangan  
Peranchangan  
bagi Kawasan  
Kawalan  
Pembangunan.**

7. (1) Menteri Besar boleh, jika di-fikirkan-nya patut, menghendaki Pegawai Peranchang Bandar dan Negeri menyediakan rancangan Peranchangan Pembangunan mengenai sebarang Kawasan Kawalan Pembangunan yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* dan mengemukakan kapada-nya untok di-luluskan.

(2) Menteri Besar hendak-lah meluluskan rancangan Peranchangan Pembangunan itu dengan atau dengan tiada perubahan atau boleh menolak rancangan itu dan menghendaki supaya di-sediakan suatu rancangan baharu. Kelulusan rancangan Peranchangan Pembangunan hendak-lah di-nyatakan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Menteri Besar boleh pada sabarang masa membuat perubahan<sup>2</sup> kapada rancangan Peranchangan Pembangunan.

(4) Apabila kelulusan bagi rancangan Peranchangan Pembangunan mengenai suatu Kawasan Kawalan Pembangunan telah di-nyatakan dalam *Warta Kerajaan* Pihak Berkuasa Yang Layak hendak-lah menentukan supaya semua pembangunan dalam Kawasan itu hendak-lah pada keseluruhannya menurut rancangan yang telah di-luluskan.

(5) Penggunaan Tanah yang di-tunjukkan dalam rancangan Peranchangan Pembangunan yang

telah di-luluskan hendak-lah di-beri keutama'an dan menggantikan penggunaan2 tanah yang dinyatakan sabagai syarat2 dalam hakmiek tanah.

(6) Rancangan Perancangan Pembangunan boleh, sabagai tambahan kapada chadangan peranchangan, meliputi chadangan2 untok membangun semula bagi tanah dan untok pembahagian semula bagi tanah dan kawalan pembangunan di-tepi jalan Raya.

**Rayuan2.**

8. (1) Sabarang orang yang mushkil atas sabarang keputusan dari pihak Berkuasa Yang Layak yang di-buat menurut sabarang kuasa yang ia boleh menjalankan-nya di-bawah syarat2 Perintah ini boleh merayu kapada Mentri Besar dalam tempoh saperti yang boleh di-tentukan.

(2) Mentri Besar boleh menolak atau meluluskan rayuan itu dengan syarat atau tidak bersyarat atau boleh membuat perintah yang di-fikirkan-nya patut. Keputusan Mentri Besar itu ada-lah muk-tamat.

**Rayuan2  
Selanjut-nya.**

9. Rayuan atas sabarang keputusan Mentri Besar, yang di-buat di-bawah syarat2 Bab 8, hendak-lah di-hadapkan kapada Mahkamah Tinggi atas sabarang perkara dari segi undang2 tetapi bu-kan-nya atas sabarang perkara kenyataan atau pen-dapat.

**Tindakan Pem-  
bicharaan oleh  
atau terhadap  
Pihak Berkuasa  
Yang Layak.**

10. (1) Tindakan perbicharaan atau lain2 langkah pembichara'an sivil oleh atau terhadap Pihak Berkuasa Yang Layak di-bawah Perintah ini hendak-lah di-ambil oleh atau terhadap Peguam Negara.

(2) Peguam Negara atau orang lain yang di-benarkan oleh-nya bertindak bagi Pihak Berkuasa Yang Layak hendak-lah di-anggap sabagai wakii yang sah yang boleh menghadziri, mengambil atau di-ambil tindakan dan membuat atau di-buat permohonan2 bagi Berkuasa Yang Layak.

**Sharat2  
Kewangan.**

11. Sabarang perbelanjaan yang di-kenakan atau harus di-bayar oleh Pihak Berkuasa Yang Layak atau bagi menyelesaikan sabarang gant rugi yang di-tuntut daripada-nya di-bawah Perintah ini hendak-lah di-bayar dari wang simpanan 'am Kerajaan.

## JADUAL PERTAMA

Perkara2 yang Mentri Besar boleh, antara lain, membuat peratoran2 mengenai Kawasan2 Kawalan Pembangunan :—

1. persediaan, chara dan penyimpanan rajah2 yang menunjukkan bidang Kawasan Kawalan Pembangunan;
2. persediaan, chara, isi, penyerahan, kebenaran, pembatalan dan perubahan Rancangan Perancangan Pembangunan;
3. mengadakan penyiasatan rancangan sama ada awam atau sendiri;
4. kawalan perkembangan pada tanah termasuklah pembahagian kecil dan mempersatukan tanah dan chara2 untuk membuat permohonan2, menentukan borang2 dan pembayaran2, dan tempoh sah-nya kebenaran;
5. kawalan iklan2;
6. pengekalan pokok2, hutan dan belukar2;
7. pengekalan dan pemeliharaan bangunan2;
8. pemeliharaan tanah dan kebun;
9. hak mengenai bangunan2 yang ada dan penggunaan2 tanah;
10. penyimpanan tanah untuk maksud2 awam;
11. pengambilan tanah untuk maksud2 perancangan;
12. ganti rugi kerana kerosakan hak, termasuk chara2 untuk membuat tuntutan2 dan pembayaran ganti rugi;
13. chara2 bagi menutup, menyempangkan dan menahan jalan2;
14. chara2 bagi meletakkan hak jalan2 dan lain2 lalu-lintas;
15. chara2 bagi membuat dan keputusan rayuan2;
16. sah-nya kebenaran di-sisi undang2 dan ketetapan pertelingkahan dengan undang2 dan undang2 kecil lain;
17. perkara2 lain termasuk :—
  - (a) penyampaian notis2;
  - (b) hak masok pada harta;
  - (c) kewajipan memberi maklumat kepada Pehak Berkuasa Yang Layak;
  - (d) notis2 awam;
  - (e) pindaan jadual2;
  - (f) pengeluaran surat keliling dan maklumat2;
  - (g) taksiran istilah2 dan kalimat2 teknikal.

## JADUAL KEDUA

Penyelenggaraan2 atau penggunaan2 tanah yang tidak berkehendakkan persetujuan menurut syarat2 Bab 6(1) dari Perintah ini :—

- (a) penyelenggaraan kerja2 bagi memelihara, memperbaiki atau lain2 perubahan kepada bangunan dengan tidak menyentuh bentuk luar-nya dan tidak membesarkan kawasan lantai-nya;
- (b) penyelenggaraan oleh sabarang Kerajaan, Pehak Berkuasa Tempatan atau Pehak Berkuasa Di-Segi Undang2 bagi sabarang kerja yang di-kehendaki untuk memelihara atau memperbaiki jalan jika kerja2 itu di-lakukan pada tanah dalam sempadan2 jalan itu;
- (c) penyelenggaraan oleh sabarang Kerajaan, Pehak Berkuasa Tempatan atau Pehak Berkuasa Di-Segi Undang2 bagi sabarang kerja untuk maksud memasang, memeriksa, membaiki atau membaharui sabarang saloran najis, paip2 besar, paip2, kebal2 atau lain2 alat termasuk-lah memecah sabarang jalan atau tanah lain untuk maksud itu;
- (d) penggunaan sabarang bangunan yang ada atau tanah dalam halaman rumah kediaman bagi sabarang maksud bagi menikmati-nya;
- (e) penggunaan sabarang tanah dan bangunan2 yang berkenaan bagi maksud2 pertanian dan kehutanan;
- (f) sabarang perengkat pembangunan yang boleh ditambah kepada Jadual ini Mentri Besar dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan.

Di-perbuat pada 19hb September, 1972, di-Istana Darul Hana Beta, Brunei Darul Salam.



HASSANAL BOLKIAH

.....  
*Duli Yang Maha Mulia  
Sultan dan Yang Di-Pertuan*

Bahagian 6

PERENTAH (KAWALAN KEMAJUAN)  
PERANCHANGAN BANDAR  
DAN NEGERI, 1972

Peratoran<sup>2</sup> Pengawalan Pechahan dan Penyatuan Tanah yang di-buat oleh Mentri Besar pada menjalankan kuasa<sup>2</sup> yang di-beri kapada-nya oleh Bab 4 dari Perintah tersebut.

**Gelaran Pendek.** 1. Peratoran<sup>2</sup> ini boleh di-gelar sebagai Peratoran<sup>2</sup> Peranchangan Bandar dan Negeri Bil. 1 : Pengawalan Pechahan dan Penyatuan Tanah.

**Tafsiran.** 2. Di-dalam peratoran<sup>2</sup> ini kechuali kandongan-nya berkehendakan ma'ana yang lain —

“penyatuan” berma'ana penyatuan dalam satu suratan hakmilek bagi kawasan yang ada dua atau lebeh suratan<sup>2</sup> hakmilek;

“Pihak Berkuasa Yang Layak” berma'ana pihak berkuasa yang di-lantek menurut Bab 4(1) dari Perintah tersebut;

“Kawasan Pembangunan” berma'ana mana<sup>2</sup> kawasan yang di-ishtiharkan sedemikian menurut Bab 3 dari Perintah tersebut;

“Perintah” berma'ana Perintah (Kawalan Pembangunan) Peranchangan Bandar dan Negeri, 1972;

“lot” berma'ana mana<sup>2</sup> bidang tanah yang telah di-daftarkan di-pejabat tanah di-bawah satu suratan hakmilek;

“maksud awam” berma'ana mana<sup>2</sup> tanah yang di-tetapkan oleh Bab (3) (1)(a) dari Undang<sup>2</sup> Pengambilan Tanah (*Penggal 41*) dan ada-lah termaşok jalan<sup>2</sup> serta lain<sup>2</sup> jalanraya;

“pechahan” berma'ana pembahagian mana<sup>2</sup> lot tanah atau keping/bidang Tanah Kerajaan :—

(a) bagi maksud membuat suratan<sup>2</sup> hakmilek yang berasingan bagi semua atau mana<sup>2</sup> bahagian dari lot atau tanah yang sademikian itu,

- (b) bagi maksud melepaskan pemilikan atau membuat apa sahaja kepada mana2 bahagian daripada-nya, sama ada dengan chara pajakan, penjualan, hadiah atau penukaran atau kerana mendirikan sa-sabuah bangunan atau benaan di-atas-nya,
- (c) pengenaan kepada Pegawai Tanah menurut Bab 21 dari Kanun Tanah (*Penggal 40*) kerana penyekatan tanah,
- (d) apa jua perjanjian pemecahan bagi maksud2 yang di-sebutkan dalam (a), (b) atau (c); dan

sebutan “pechahan” hendak-lah di-tafsirkan sademikian itu. Bagi maksud penjelasan, pemajakan mana2 bahagian sa-sabuah rumah kerana sasuatu penggunaan yang di-benarkan menurut Bab2 7 dan 12 dari Undang2 tersebut tidak boleh di-anggap sebagai pemecahan.

“perjanjian pemecahan” berma’ana mana2 perjanjian dengan mana sa-saorang itu di-berikan — .

- (a) sesuatu hak, sama ada tetap atau tidak, untok memperolehi, memajak atau mendapatkan pemilikan mana2 lot atau bidang tanah, sama ada dengan serta merta manakala memenohi mana2 sharat atau manakala berlaku sesuatu perkara/kejadian atau selepas tamat-nya tempoh masa atau manakala menjalankan/melakukan pemilehan atau manakala membayar sesuatu jumlah wang sama ada dengan jalan beransor2 atau lain; atau
- (b) sesuatu hak membina/mendirikan sa-sabuah bangunan di-atas mana2 bahagian harta yang di-punyai oleh orang lain.

**Permohonan2  
untok  
Kebenaran.**

3. (1) Permohonan untok kebenaran terhadap pemecahan atau penyatuan tanah hendak-lah di-buat kepada Pehak Berkuasa Yang Layak di-atas



borang yang di-tetapkan dalam Tambahan Pertama dan hendak-lah di-sertakan dengan surat-an2 yang berikut :—

- (a) empat naskah peta mengikut ukoran dua rantai pada satu inchi (melainkan di-benarkan sebalek-nya oleh Pehak Berkuasa Yang Layak) yang menunjokkan —
  - (i) seluroh kawasan lot yang akan di-pechah;
  - (ii) butir2 mengenai kedudukan, banyak-nya, besar-nya dan ukoran pechahan yang di-chadangkan itu;
  - (iii) semua jalan2 yang ada, jalan2 rizab, dan jalan2 masok yang lain, longkang2 besar, terusan2, kebun2/ladang2, bangunan2, perusahaan umum dan hak2 lalu-lintas;
  - (iv) semua jalan2 yang di-chadangkan dan lebar-nya, pembesaran jalan dan jalan2 masok yang lain, chadangan2 parit; dan
  - (v) sekira-nya di-kehendaki oleh Pehak Berkuasa Yang Layak garis datar bentok tanah itu.
- (b) empat naskah peta panduan yang menunjukkan pemecahan berhubung dengan harta2 yang berdampingan dan menunjukkan jalan2 masok ka-jalan- raya yang berdekatan sekali, (ini boleh di-masokkan dalam peta yang di-kehendaki di-(a) di-atas jika butir2 keterangan-nya itu chukop terang);
- (c) surat-an hakmilk atau salinan-nya yang sah;
- (d) kebenaran bertulis daripada penggadai2 jika ada.

(2) Permohonan itu hendak-lah juga di-sertakan dengan bayaran yang di-tetapkan.

**Butir2 lanjut.**

4. Sa-saorang pemohon untuk kebenaran mengenai pemecahan atau penyatuan tanah hendak-

lah jika demikian di-kehendakki sechara bertulis :—

- (a) menyebabkan garis tengah bagi mana2 jalan yang di-chadangkan itu supaya diberi tentukan sempadan-nya hingga memuaskan hati Pehak Berkuasa Yang Layak;
- (b) memberi tahu Pehak Berkuasa Yang Layak manakala garis2 tengah bagi jalan2 itu telah di-tentukan sempadannya dan menyediakan kemudahan2 untok di-pereksa, dan selepas itu
- (c) mengemukakan kapada Pehak Berkuasa Yang Layak bahagian2 membujur dan melintang dengan/serta garis datar berakhir yang di-chadangkan bagi mana2 jalan itu.

**Ukuran2 Pechahan2 bahagian yang sa-habis kecil.**

5. (1) Di-dalam sa-suatu Kawasan Ranchangan Perkembangan apa jua pechahan bahagian persendirian tidak boleh kurang dari kawasan yang ditetapkan oleh Pehak Berkuasa Yang Layak bagi Kawasan itu.

(2) Di-luar sa-suatu Kawasan Ranchangan Perkembangan apa jua pechahan bahagian persendirian tidak boleh kurang dari kawasan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

6. (1) Pehak Berkuasa Yang Layak hendak-lah menurut Bab 16 dari Undang2 ini membenarkan permohonan bagi pechahan bahagian atau penyatuan tanah terta'alok kapada syarat2 yang dianggap-nya perlu di-kenakan atau boleh menolak permohonan itu.

(2) Syarat2 yang mungkin boleh di-kenakan boleh termasuk :—

- (a) pembinaan jalan2 sahingga kepuasan hati Pehak Berkuasa Yang Layak;
- (b) penyimpanan tanah bagi maksud2 awam;
- (c) peruntokan2 bagi longkang2 besar;
- (d) peruntokan bagi kerja2 pengawasan;
- (e) penanaman hiasan mukabumi.

(3) Jika sesuatu pechahan bahagian atau penyatuan tanah ada-lah di-benarkan oleh Pehak Berkuasa Yang Layak dan tanah itu terletak di-dalam Kawasan Rancangan Perkembangan maka Pegawai Tanah hendak-lah menchatetkan ka-dalam kedua2-nya suratan hakmilek yang asal dan mana2 suratan hakmilek baharu dengan perkataan2 yang berbunyi bahawa tanah itu ada-lah "Terta'alok kapada sharat2 sesuatu Rancangan Perkembangan".

**Penyukatan dan Pendaftaran.**

7. (1) Manakala sa-suatu permohonan bagi pechahan bahagian atau penyatuan tanah telah diluluskan/di-benarkan maka pemohon hendak-lah dalam masa yang di-tetapkan, memenohi kehendak2 Bab 17 dari Undang2 ini.

(2) Pegawai Tanah hendak-lah mema'alomkan Pehak Berkuasa Yang Layak manakala kehendak2 Bab 21 dari Undang2 Tanah telah di-penohi.

**Pehak Berkuasa Yang Layak hendak-lah memberi sebab2 terhadap penolakan.**

8. Jika sa-suatu permohonan bagi pechahan bahagian atau penyatuan tanah itu di-tolak maka Pehak Berkuasa Yang Layak hendak-lah, menurut Bab 33 dari Undang2 ini, manakala memberi tahu keputusan menyatakan sechara bertulis sebab2-nya terhadap penolakan itu.

**Pehak Berkuasa Yang Layak hendak-lah menyimpan Daftar.**

9. Pehak Berkuasa Yang Layak hendak-lah menyimpan sa-suatu Daftar mengenai segala permohonan bagi pechahan bahagian atau penyatuan tanah dan mengenai keputusan2 yang di-buat terhadap-nya.

(Rang Borang Permohonan)

TAMBAHAN PERTAMA

Permohonan bagi kebenaran terhadap pechahan bahagian atau penyatuan tanah hendak-lah di-buat dalam borang yang berikut :—

Perintah (kawalan Perkembangan) Rancangan Bandar dan Luar Bandar 1972

Kawalan Pechahan Bahagian dan Penyatuan Tanah

Permohonan bagi Kebenaran terhadap Pechahan Bahagian atau Penyatuan Tanah.

**Lihat Chatatan 1.**

Kapada : .....

.....

.....

Permohonan ada-lah dengan ini di-buat bagi kebenaran pechah-bahagian/penyatuan \* mengenai mana butir2 ada di-berikan di-bawah ini.

(\* Saya/Kami membenarkan .....  
di-alamat ..... untok bertindak sabagai wakil  
saya/kami terhadap pechah-bahagian bagi permohonan ini)  
(\*Potong jika tidak berkenaan)

Tanda-tangan tuanpunya berdaftar .....

Alamat Pos :

Tarikh :

- 
1. Daerah dalam mana tanah itu terletak .....
  2. Nombor E.D.R. tanah yang akan di-pechah-bahagi/di-satukan .....
  3. Nombor Lot tanah yang akan di-pechah-bahagi/di-satukan .....
  4. Butir mengenai sebarang sekatan di-dalam Suratan Hakmilk berhubong dengan —
    - (i) Penggunaan tanah itu,
    - (ii) pembenaan bangunan2.
  5. Nama penoh tuanpunya berdaftar  
.....  
.....  
.....
  6. Jumlah Luas-nya Lot mengikut kiraan ekar .....
  7. Luas-nya tiap2 pechahan-bahagian yang di-chadangkan  
.....  
.....  
.....
  8. Butir2 mengenai mana2 satu yang berikut yang menyen-  
toh harta yang akan di-pechah-bahagi —
    - (i) kebenaran melalui/lalu
    - (ii) Halangan2
    - (iii) surat2 gadai
    - (iv) pajak/sewa galian/lombong.
  9. Butir2 mengenai bangunan2 yang ada dan penggunaan2-nya.  
.....  
.....  
.....
  10. Bagaimana pechahan-bahagian yang di-chadangkan  
itu akan di-gunakan .....

11. Butir2 mengenai apa jua syarat khas yang tuanpunya bertujuan akan mengenakan di-dalam Suratn Hakmi-lek bagi pechah-bahagian.  
.....  
.....
12. Butir2 mengenai jalan2 masok dari tanah yang di-pechah-bahagi ka-jalan raya yang berdekatan sekali  
.....  
.....
13. Butir2 mengenai perbekalan ayer yang di-chadangkan bagi tiap2 pechah-bahagian .....  
.....  
.....

Permohonan ini mesti-lah di-sertakan dengan :—

- (a) empat naskah peta (pelan) mengikut ukoran dua rantai tiap2 satu inchi (melainkan di-benarkan sabalek-nya oleh Pehak Berkuasa Yang Layak) menunjukkan —
  - (i) Seluroh kawasan lot yang akan di-pechah-bahagikan;
  - (ii) butir2 mengenai tempat, bilangan, besar-nya dan banyak-nya, ukoran pechah-bahagian yang di-chadangkan;
  - (iii) semua jalan, jalan simpan, dan jalan2 masok yang lain, longkang besar, terusan ayer, ladang2, bangunan2, perusahaan umum dan hak lalu-lintas yang ada;
  - (iv) semua jalan yang di-chadangkan dan lebar-nya, peluasan jalan dan jalan masok lain, chadangan parit; dan
  - (v) Jika di-kehendaki oleh Pehak Berkuasa Yang Layak garis2 datar tanah itu.
- (b) empat naskah peta kunchi menunjukkan pechah-bahagian berhubong dengan harta2 yang berdampingan dan menunjukkan jalan2 masok ka-jalan raya yang berdekatan sekali. (Ini boleh di-satukan dalam peta yang di-kehendaki di-(a) di-batas sekira-nya butir2-nya chukop terang).

Bagi kegunaan Pejabat/Rasmi Sahaja.

- (c) suratan hakmielek atas salinan-nya yang sah | .....
- (d) kebenaran bertulis daripada pengabdai2 jika ada | .....

Bayaran2 yang berikut hendak-lah di-sertakan dengan permohonan itu :—

*sa-banyak sahingga 5 pechah-bahagian	—	\$ 30.00
5 hingga 20 pechah-bahagian	—	\$ 60.00
Lebih dari 20 pechah-bahagian	—	\$100.00

Chek2 hendak-lah di-tulis atas nama “Kerajaan Biunei”

\*Ini hanya-lah shor2 bagi sukatan bayaran2.

**Perhatian**

**Chatetan 1 :** Satu Jadual mengenai Pehak2 Berkuasa Yang Layak kepada sesiapa permohonan2 itu hendak di-alamat-kan akan di-lampirkan kepada borang permohonan.

**TAMBAHAN KEDUA**

Ukuran2 yang sahabis Kechil yang berikut bagi pechah-bahagian dalam kawasan di-luar Kawasan ranchangan Per-kembangan ada-lah di-tetapkan.

- (1) Penggunaan Pertanian, berhubong dengan jenis/benh/kahwin yang di-tanah.

Tanaman	Pechah-bahagian Yg. Sahabis Kechil
Pokok Rumbia	10
Getah	10
Kelapa	20
Padi Paya	3
Nenas	3
Lada Sulah	2
Kebun/Dusun/Buah2an (Pokok2 Buah)	5
Sayor2an	3
Lain	Akan di-tentukan atas permohonan sa-saorang dengan di-roioikkan kepada Pengarah Pertanian.

- (2) PENGGUNAAN KEDIAMAN

Jenis	Ukuran Yg. Sahabis Kechil bagi pechah-bahagian	Sempadan Jalanraya Yg. sahabis Dekat
Rumah sa-buah	12,000 kaki persegi	80 kaki
Rumah2 Pangsa atau (sebelah-Menyebelah)	15,000 kaki persegi	100 kaki
Rumah Sa-bandong	20,000 kaki persegi	135 kaki
Lain	Akan di-tentukan oleh Pehak Berkuasa Yang Layak.	

- LIHAT  
CHATATAN 2
- (3) **Kedai2**  
Ukuran sa-habis kechil bagi Pechah-bahagian  
10,000 kaki pe.segi  
Sempadan Jalan Raya Yang Sahabis Dekat  
60 kaki
- (4) **Penggunaan Perusahaan**  
Ukuran Pechah-Bahagian Yang sahabis Kechil  
6,000 kaki persegi  
Sempadan Jalan Raya Yang Sahabis Dekat  
60 kaki
- LIHAT  
CHATATAN 3
- (5) **Steshen2 Minyak dan Service**  
Ukuran Pechah-bahagian Yg. Sahabis Kechil  
10,000 kaki persegi  
Sempadan Jalan Raya Yang Sahabis Dekat  
120 kaki
- (6) **Penggunaan2 Lain**  
Ukuran pechah-bahagian yang sa-habis kechil akan  
di-tentukan atas permohonan sa-saorang.
- CHATATAN 1
- Pengarah Pertanian telah menasehatkan Pesuruhjaya Tanah mengenai ukuran2 pechah-bahagian bagi maksud2 pertanian. Jadual menunjokan ukuran2 pechah-bahagian yang terkechil, terbaik dan terbesar sekali. Sekira-nya kawalan pechah-bahagian itu hendak menjadikan-nya sebagai tujuan-nya untuk menchegeh bidang2 tanah pertanian yang tidak mendatangkan faedah segi iktisad/ekonomi dan untuk menambah hasil daripada tanah maka akan nyata-lah bijak-sana, bagi masa2 hadapan, untuk menjadikan ukuran “yang terbaik” oleh Pengarah Pertanian itu pechah-bahagian yang terkechil sekali. Ini-lah angka2 yang di-tunjokkan di-dalam tambahan-nya. Mungkin kuasa membenarkan supaya kurang dari had yang di-tetapkan itu dalam hal2 istimewa mungkin di-masokkan.
- CHATATAN 2
- Ukuran 10,000 kaki persegi ada-lah lebeh besar dari yang biasa-nya di-kehendakki bagi perkembangan bangunan tetapi oleh kerana peratoran tersebut ia-lah berthabit dengan daerah2 luar bandar maka kawasan tambahan ini ia-lah untuk memberikan sa-saorang itu tempat penarohan kereta di-atas bidang tanah itu.
- CHATATAN 3
- Jarak menghadap jalan raya sa-jauh 120 kaki ada-lah perlu bagi steshen minyak dan service.